

Tingkat gaji pekerja kolar biru: Mahathir

BH 13 AUG 1991

(12)

SHAH ALAM, Isnin — Kerajaan sedang membuat kajian kesesuaian bagi meningkatkan taraf pekerja kolar biru dalam sektor awam, termasuk kajian pembayaran upah yang lebih tinggi berbanding pekerja kolar putih.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata langkah itu untuk memberi penghargaan kepada pekerja kolar biru yang memberi sumbangan kepada pembangunan ekonomi negara khususnya bagi mencapai matlamat negara maju menjelang 2020.

Bercakap kepada pemberita selepas menyampaikan Anugerah Tangan Emas Pertandingan Johan Kemahiran Kebangsaan 1991 di sini, beliau berkata dalam hubungan ini, sektor swasta juga harus mencontohi kerajaan bagi menghargai kumpulan pekerja berkenaan.

"Penghargaan amat wajar diberikan kepada pekerja di bidang pertukangan dengan memberikan gaji, jika tidak lebih tinggi, sekurang-kurangnya sama dengan pemegang ijazah.

"Sumbangan mereka yang bekerja menggunakan tangan dalam beberapa aspek lebih penting berbanding pekerja yang menggunakan pen dan kertas, khususnya di zaman teknologi," katanya.

Mengenai kekurangan tenaga kerja dalam menghadapi proses mewujudkan negara perindustrian, Perdana Menteri berkata:

"Kita mahukan industri di Malaysia menggunakan tenaga kerja yang kurang, sebaliknya memberi tumpuan kepada penggunaan mesin automasi dan juga robot bagi menjalankan operasi kerja.

"Kita terpaksa beralih kepada industri seperti itu ke-

rana negara ini tidak cukup tenaga kerja. Kita percaya jika rakyat rajin mempelajari kemahiran tertentu, bukan saja mereka mempunyai kerja, malah memperoleh gaji tinggi."

Terdahulu, ketika berucap, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, masyarakat hanya akan dapat mengubah sikap dan tanggapan negatif terhadap pekerja kolar biru jika kumpulan pekerja itu dibayar gaji lebih baik berbanding pekerja kolar putih.

"Sejajar kemahiran dan sumbangan besar mereka, memanglah wajar bayaran upah lebih baik disediakan bagi golongan itu, kecuali bahagian pengurusan yang harus diberi penilaian lebih tinggi berbanding mereka, katanya.

"Ini kerana tanpa pengurusan yang cekap kerja

LIHAT MUKA 2

Sumbangan pekerja kolar biru penting

DARI MUKA 1

tidak dapat berjalan baik dan licin.

"Jika kita dapat mengubah sikap dan tanggapan masyarakat terhadap pekerjaan kolar biru, usaha untuk melahirkan lebih ramai tenaga mahir dan separuh mahir akan lebih berjaya.

"Ibu bapa dan belia khususnya, perlu menyedari akan sumbangan besar pekerja kolar biru kepada pembangunan ekonomi negara. Dalam usaha mencapai matlamat menjadi sebuah negara maju, tenaga kerja mahir dan separuh mahir yang mencukupi di pelbagai bidang amat penting.

"Dalam hubungan ini, tidak ada cara yang lebih berkesan bagi membuktikan penghargaan kita kepada pekerja kolar biru, iaitu dengan memberi upah lumayan," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, bagi memenuhi permintaan perindustrian, tenaga kerja mahir dan pembangunan sumber tenaga manusia perlu dirancang secara teratur dan berkesan.

Katanya, kemahiran peringkat tinggi menjadi bertambah penting dalam konteks kemasukan pelabur asing ke negara ini kerana kekurangan tenaga mahir boleh menjejaskan minat pelabur datang ke sini.